

## KEMPEN PETROL KHAMIS! 2024

### SOALAN LAZIM

**1. Apakah yang ditawarkan menerusi kempen Petrol Khamis! 2024 ini?**

Kempen ini menawarkan pulangan tunai sebanyak 5% dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat bagi setiap transaksi pembelian petrol, diesel dan sebarang pembelian barangan lain (patuh Syariah) yang dilakukan di mana-mana stesen minyak di seluruh negara.

**2. Apakah jenis transaksi yang layak menerima pulangan tunai seperti yang dinyatakan?**

Transaksi yang layak menerima pulangan tunai ini adalah daripada kategori kod *merchant* (MCC) seperti berikut:

- a) 5541 – *Service Station* (Kaunter)
- b) 5542 – *Fuel Dispenser, Automate* (Terminal Layan Diri)

**3. Bilakah kempen ini berlangsung?**

Kempen ini berlangsung pada **setiap hari Khamis** bermula pada **14 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024**.

Bulan	Tarikh	Hari
Mac	14,21 dan 28	Khamis
April	4,11,18 dan 25	
Mei	2,9,16,23 dan 30	
Jun	6,13,20 dan 27	
Julai	4,11,18 dan 25	
Ogos	1,8,15,22 dan 29	
September	5,12,19 dan 26	
Oktober	3,10,17,24 dan 31	
November	7,14,21 dan 28	
Disember	5,12,19 dan 26	

**4. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?**

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (utama dan tambahan) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat dan Kad Kredit-i Cikgu Sejati. Warga kerja Bank Rakyat juga layak untuk menyertai kempen ini.

Penyertaan adalah secara automatik untuk semua pemegang kad yang layak tertakluk pada Terma dan Syarat kempen ini. Tiada prapendaftaran menerusi borang penyertaan atau khidmat pesanan ringkas (SMS) diperlukan.

**5. Berapakah transaksi minimum yang diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai?**

Tiada transaksi minimum diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai.

**6. Adakah terdapat had bagi pulangan tunai yang boleh diperoleh?**

Had ditetapkan bagi jumlah pulangan tunai yang boleh diperoleh oleh setiap pemegang kad ialah RM20 sebulan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

**7. Bagaimanakah pulangan tunai 5% ini diterima?**

Pulangan tunai 5% akan dikreditkan atas transaksi yang telah dibilkan sahaja. Amaun pulangan tunai akan dipaparkan pada penyata bulanan Peserta.

**8. Di manakah maklumat berkaitan jumlah pulangan tunai yang diperoleh untuk bulan semasa boleh didapati?**

Keterangan bagi jumlah pulangan tunai yang diperolehi untuk bulan semasa boleh disemak menerusi penyata Kad Kredit-i pada bulan berikutnya.

**9. Adakah pulangan tunai 5% ini boleh dipindah milik?**

Pulangan tunai ini tidak boleh dipindah milik kepada akaun pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan.

**10. Adakah pulangan tunai yang ditawarkan boleh ditukarkan kepada wang tunai atau barangan lain?**

Tidak boleh.

**11. Adakah pulangan tunai yang ditawarkan untuk kempen ini boleh dipindah milik?**

Tidak boleh.

**12. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?**

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
- Pusat Panggilan: 1-300-80-5454
- Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- Laman sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/X)